

## **TEKS UCAPAN**

**TUAN YANG TERUTAMA TUN DATO' SERI UTAMA  
AHMAD FUZI BIN HAJI ABDUL RAZAK  
YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG**

**MAJLIS PERASMIAN PAMERAN LANGUR  
“BUILDING BRIDGE BETWEEN OUR WORLDS”  
ANJURAN OLEH  
BALAI SENI LUKIS NEGERI PULAU PINANG (BSLNPP)**

**SESI RAKAMAN PADA :  
26 OKTOBER 2021 (SELASA) JAM 5:30 PETANG**

*Bismillahirrahmanirrahim*

**Yang Berhormat Tuan Yeoh Soon Hin**

Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif (PETACE) merangkap  
Pengerusi Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang

**Yang Berusaha Encik Lee Khai**

Ahli Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang merangkap Pengerusi  
Jawatankuasa Balai Seni Lukis Negeri Pulau Pinang

**Yang Berusaha Puan Haryany Mohamad**

Pengarah Lembaga Muzium dan Balai Seni Lukis Negeri Pulau Pinang

Yang Berbahagia Dato'-Dato' dan Datin-Datin

Tuan-Tuan dan Puan-Puan

Ahli-Ahli Lembaga Muzium

Ahli-Ahli Jawatankuasa Balai Seni Lukis Pulau Pinang

Rakan-Rakan Media dan

Para Pencinta Seni Sekalian.

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan Salam Sejahtera.

1. Alhamdulillah, marilah kita memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana telah diberi izin-Nya untuk bersama-sama berhimpun secara maya di majlis Perasmian Pameran Langur - *Building Bridge Between Our Worlds* anjuran oleh Balai Seni Lukis Negeri Pulau Pinang (BSLNPP). Ini merupakan kali pertama saya berucap bagi majlis berkaitan acara seni tampak.

Saya berasa berbesar hati menerima jemputan Balai Seni Lukis Negeri Pulau Pinang (BSLNPP) bagi melancarkan Pameran Langur - *Building Bridge Between Our Worlds* yang memperjuangkan kesedaran masyarakat tentang kepupusan spesis haiwan ini.

Hadirin dan hadirat yang dikasihi,

2. Langur merupakan haiwan yang harus kita pertahankan dari kerakusan tangan manusia yang tidak menghargai kewujudan hidupan unik ini. Kita sering melihat melalui paparan media bahawa spesis ini sering terancam dek kerakusan dan kecenderungan manusia yang bersikap sambil lewa tentang makhluk unik ini, sehingga lupa perihal anak cucu cicit yang mungkin tidak pernah dapat melihat hidupan Langur ini secara nyata sekiranya ia pupus kelak. Inisiatif BSLNPP ini amat wajar demi memperjuangkan kelangsungan *survival* dengan mempamerkan karya lukisan-lukisan dari para pelukis tempatan dan luar negara yang menitikberatkan isu kesedaran tentang ancaman dalam karya-karya yang dihasilkan ini. Saya percaya Pameran Langur - *Building Bridge Between Our Worlds* ini mudah diterima oleh masyarakat dan kanak-kanak yang lebih mudah memahami rupa bentuk Langur dan terjemahan kehidupan Langur ini melalui lukisan yang kreatif.

3. Tambahan pula, didasarkan dengan niat yang murni dan dipandu dengan semangat ingin melindungi spesis Langur ini. Pameran sebegini dapat meningkatkan lagi kesedaran masyarakat dan tidak mustahil hidupan Langur ini dapat berkembang biak di masa hadapan tanpa campur tangan kerakusan individu.

4. Adalah diharapkan dengan kerjasama dari pelbagai badan sukarelawan, pencinta haiwan, agensi-agensi kerajaan dan institusi-institusi berkenaan bergabung tenaga dan kepakaran dalam pendedahan dan pemberian pendidikan kepada kanak-kanak, generasi kini dapat mengenali Langur dengan melihat secara nyata dan bukan hanya di paparan gambar-gambar mahu pun di kaca layar sahaja.

Semoga dengan usaha murni ini, Balai Seni Lukis Negeri Pulau Pinang (BSLNPP) dapat memartabatkan kempen kesedaran terhadap haiwan-haiwan khazanah hidupan liar negara.

5. Akhir sekali, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan pameran ini.

6. Dengan lafaz *Bismillahirrahmanirrahim*, dan dengan penuh sukacitanya saya merasmikan Pameran Langur - *Building Bridge Between Our Worlds*.

Sekian, terima kasih.

*Wabillahitaufik Walhidayah,*

*Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*